

Ucapan Aluan Naib Canselor
Y.Bhg. Profesor Dr. Asma Ismail
Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia

Sempena
**Majlis Perasmian Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi
Islam 2012 (SelPTI 2012)**

Dewan Kuliah Utama (DKU)
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
10.50 pagi
12 Disember 2012M / 28 Muharram 1434H (Rabu)

A'uzubillahi Mina as-Syaitanirrajim

Bismillahirrahmanirrahim

*Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam Satu Malaysia.*

[Salutasi]

1. Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para Sahabat, para *Muttaqin*, serta sekalian Muslim yang mencontohi mereka dari satu masa ke satu masa hingga ke hari Kiamat.
2. Saya juga ingin melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia, izin dan inayah-Nya, kita mendapat sedetik lebih lagi umur, dikurniakan kesihatan yang baik, dan dilapangkan dada serta masa. Justeru dapatlah kita bersama-sama pada hari ini menghadiri majlis yang sangat istimewa dan penuh barakah ini.
3. Pertama sekali, bagi pihak tuan rumah, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran **Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, juga selaku Penasihat Agama kepada YAB Perdana Menteri Malaysia**, kerana sudi hadir ke Seminar

Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam 2012 (SeIPTI 2012). Kehadiran YB. Dato' Seri amat kami hargai. Berdasarkan pengalaman luas YB. Dato' Seri di dalam memperjuangkan pembangunan Institusi Pengajian Tinggi Islam di Malaysia, yang saya kira, antara hasil dan pencapaian utama YB. Dato' Seri ialah dengan penubuhan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang kita kasihi ini.

4. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran **Yang Mulia Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail, Timbalan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam** dan juga **Y.Bhg. Dr. Hamid Fahmy Zarkasyi, Timbalan Rektor Institut Studi Islam Darussalam, Gontor Indonesia**, ke Universiti Sains Islam Malaysia. Kehadiran **Yang Mulia Dr. Hj. Amiruddin** dan **Y.Bhg. Dr. Hamid Fahmy** sesungguhnya mengeratkan lagi hubungan dua-hala antara USIM, UNISSA dan ISID secara khusus, dan juga antara negara Malaysia, Brunei dan Indonesia secara amnya. Kita berdoa kepada Allah s.w.t semoga dengan bantuan dan taufikNya, mampu kita mencetus lembaran baru kepada perkembangan kualiti pembelajaran serta kajian Institusi Pengajian Tinggi Islam di rantau ini mahupun di seluruh dunia.

5. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Penganjur **Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam 2012 (SeIPTI 2012)**, iaitu **Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) USIM**, kerana dengan izin Allah SWT mampu menjayakan satu seminar yang menghubungkan institusi-institusi pengajian tinggi Islam di rantau ini. Penganjuran seminar ini menggambarkan kesungguhan FKP dalam menjayakan aspirasi USIM untuk meningkatkan martabat dan kualiti institut pengajian tinggi Islam setinggi yang mungkin. Usaha dan dedikasi seperti ini merupakan sumbangan yang tiada tolok bandingnya terutama dalam keadaan masyarakat yang amat dahagakan panduan terhadap hala tuju institusi pengajian tinggi Islam.

Yang Berhormat Dato' Seri, Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,

6. USIM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam yang berteraskan pengajian Islam berusaha memenuhi aspirasi dan sasaran Kerajaan dalam menghasilkan modal insan yang Islamik dan

berkualiti. Usaha USIM bagi menghasilkan modal insan yang syumul dan Islamik jelas dilihat berdasarkan kepada penubuhan fakulti-fakulti pengajian, pusat-pusat kecemerlangan, mahupun pusat-pusat sokongan pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan sistem pendidikan Islam. Ia juga boleh dilihat menerusi usaha-keras USIM yang secara terus-menerus melabur ke arah perkembangan ilmu dan kemahiran para pelajarnya mahupun para tenaga pengajarnya ke peringkat yang paling tinggi. Di samping itu, dalam mendepani arus modenisasi, sistem pendidikan Islam yang diterapkan oleh USIM tidak mengasingkan ilmu-ilmu sains dan teknologi dari ruang-lingkup sistem pendidikan Islam. Impak serta keberkesanan sistem pendidikan USIM yang mengintegrasikan asas Ilmu Naqli dan 'Aqli jelas terbukti menerusi kualiti graduan yang telah dihasilkan. Sehingga ke hari ini, USIM dengan izin Allah SWT, telah berjaya menghasilkan hampir 7 ribu orang graduan dari pelbagai disiplin ilmu. Dan menerusi Majlis Konvokesyen ke 10 USIM baru-baru ini, USIM sekali lagi menempa lembaran baru dengan terhasilnya **graduan pertama Sarjana Muda Pergigian**. USIM mendoakan agar graduan-graduan USIM sentiasa mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa dalam mendepani cabaran semasa dan menyumbang kepada perkembangan negara Malaysia khususnya dan dunia Islam amnya.

7. Kesepaduan Ilmu 'Aqli dan Naqli mengikut acuan dan proses pembelajaran dan penyelidikan yang terperinci dan menyeluruh adalah penting bagi membentuk masyarakat Islam yang dinamik dan mampu berdaya-saing dalam ekonomi berpengetahuan. USIM sudah ke hadapan dalam pengajian islam. Cabaran USIM sekarang adalah bagaimana untuk mengintegrasikan kepakaran, nilai, etika serta pengetahuannya dalam Islam untuk membentuk ekosistem penyelidikan dan pembelajaran dalam sains dan teknologi yang berlandaskan Islam.

8. Tamadun manusia yang cemerlang seharusnya mengimbangkan di antara perkembangan fizikal dan jasmani dengan aspek kerohanian, keagamaan, serta keintelektualan. Begitulah jika dirujuk kepada konsep sebenar tamadun Islam. Sama-samalah kita berdoa agar usaha kita untuk mengembalikan kegemilangan tamadun Islam yang mampu meneroka ilmu di antaranya dengan

menggunakan sains dan teknologi termaju diterima dan diredai oleh Allah, Rabbul 'Alamin.

Yang Berhormat Dato' Seri, Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,

9. Saya yakin dan percaya bahawa usaha memartabatkan institusi pengajian tinggi Islam dengan mengaplikasikan kaedah moden serta tradisional adalah amat penting. Terutamanya di rantau kita ini, seharusnya usaha ini dilakukan secara holistik dan bersepadu. Ini dapat kita laksanakan jika, institusi-institusi pengajian tinggi Islam di rantau ini sentiasa saling bekerjasama. Aspek jaringan institusi pengajian tinggi Islam di rantau ini adalah amat penting bagi membolehkan kita hasilkan produk yang berbentuk akademik mahupun produk penyelidikan yang boleh diterima oleh industri serta masyarakat. Aspek penerimaan masyarakat terhadap usaha yang kita lakukan seharusnya diberikan penekanan dan dijadikan sebagai kayu-ukur utama dalam menilai keberkesanan hasil kerja kita. Oleh itu, saya amat berharap agar seminar seumpama ini boleh berfungsi sebagai pentas untuk kita berkongsi ilmu dan maklumat bagi merialisasikan impian tersebut.

10. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **YB. Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin** di atas kesudian Y.B. Dato' Seri untuk hadir ke **Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam 2012 (SeIPTI 2012)**. Begitu juga, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada **Yang Mulia Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail, Timbalan Rektor UNISSA, Brunei** serta **Y.Bhg. Dr. Hamid Fahmy Zarkasyi, Timbalan Rektor, ISID, Gontor Indonesia** atas kesudian Dr. untuk bekerjasama dengan USIM bagi menjayakan seminar ini. Semoga usaha kita ini mendapat ganjaran yang sewajarnya dari Allah SWT dan juga semoga amal baik ini dapat menghapuskan dosa-dosa kita yang terdahulu. Amin, Ya Rabbal 'Aalamin.

11. Sekian, wa BillaHit Tawfiq wal Hidayah

12. Was Salamu'alaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh.

13. Terima kasih.